

22 JUL 2003

ASEM-Myanmar

MESYUARAT MENTERI LUAR ASEM TIDAK AKAN DIPESONGKAN OLEH ISU MYANMAR

Oleh: Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 22 Julai (Bernama) -- Mesyuarat Peringkat Menteri Luar (FMM) Mesyuarat Asia-Eropah ke-5 (ASEM) tidak akan dipesongkan oleh isu penahanan pemimpin pro-demokrasi Myanmar Aung San Suu Kyi oleh junta tentera walaupun sesetengah negara Eropah mahukan supaya ia turut dibincangkan sebagai satu agenda, kata seorang pegawai kanan di sini.

Ketua Pengarah Kerjasama Antara Wilayah Amerika-Eropah Indonesia, Retno Marsudi berkata walaupun isu itu tidak dibincangkan di peringkat mesyuarat pegawai kanan (SOM), para pegawai bersepakat bahawa ia tidak akan timbul kemudian sebagai agenda berasingan.

"Kata sepakat sudah dicapai bahawa isu Suu Kyi tidak akan dibincangkan dalam agenda berasingan. Kami bersetuju bahawa ini bukan persidangan (membincangkan) Myanmar, mahupun Suu Kyi," katanya semasa ditemui pemberita semasa menghadiri SOM di sini hari ini.

Menurutnya isu itu mungkin akan ditimbulkan pada sesi pleno hari ini serta esok, dan semasa mesyuarat ASEM-FMM oleh pihak yang berminat.

"Ia tidak akan menjadi masalah kerana ASEM adalah kumpulan yang ditubuhkan secara sukarela dan ia terpulang kepada majlis tersebut sekiranya dirasakan bahawa isu itu perlu dibincangkan, namun ia tidak akan dianggap sebagai satu isu (agenda) tersendiri," katanya.

Retno berkata mesyuarat ASEM-FMM nanti akan memberi tumpuan kepada usaha untuk membesarkan lagi keanggotaan ASEM dengan membawa masuk tiga lagi negara Asia yang terdiri daripada Myanmar, Laos dan Kemboja.

Pada masa ini 10 negara Asia yang berada dalam senarai Asem adalah Indonesia, Malaysia, Filipina, Brunei, Singapura, Thailand, Vietnam, China, Jepun dan Korea Selatan.

Negara Eropah pula diwakili oleh 15 negara yang terdiri daripada Austria, Belgium, Denmark, Finland, Jerman, Greece, Sepanyol, Perancis, Ireland, Itali, Luxembourg, Netherlands, Portugal, Sweden, dan United Kingdom, serta Pesuruhjaya Kesatuan Eropah (EU).

Eropah sebelum ini telah menyuarakan bantahan terhadap kemasukan Myanmar di bawah rancangan membesarkan keanggotaan ASEM yang dipersetujui pada persidangan tidak rasmi mesyuarat itu di Singapura pada tahun 2001.

"Yang penting bagi kami sekarang adalah cadangan membesarkan keanggotaan dan ia perlu dilaksanakan dalam satu pakej kerana ketiga-tiga negara terbabit telah memohon untuk menjadi anggota baru ASEM pada masa yang sama," kata Retno.

Mesyuarat ASEM-FMM berlangsung hanya beberapa hari selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengeluarkan kenyataan bahawa Myanmar mungkin akan disingkir dari menganggotai ASEAN sekiranya negara itu enggan membebaskan Suu Kyi.

Ketua delegasi pegawai kanan Malaysia, Datuk Hsu King Bee, yang juga adalah Timbalan Ketua Setiausaha II Kementerian Luar, semasa ditanya perkara itu berkata Asia tidak mahu isu Suu Kyi dimasukkan dalam agenda mesyuarat.

"Mesyuarat ini adalah berhubung kerjasama dengan Eropah. Itu adalah pandangan mereka (supaya isu penahanan Suu Kyi dibincangkan) tapi kami tidak mahu," katanya.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat ASEM-FMM akan diketuai oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang akan tiba ke sini esok.

Mesyuarat itu nanti akan berkisar mengenai isu antarabangsa termasuk Iraq selepas perang, keadaan di semenanjung Korea, pencegahan pembinaan

senjata pemusnah besar-besaran dan penyakit Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Turut menjadi agenda utama adalah usaha mewujudkan pakatan membentaras keganasan antara kedua-dua benua.

-- BERNAMA

OPP AHH AZH